



BERITA BUKIT AMAN

Berintegriti Beretika Amanah

Bil. 2/2012

www.rmp.gov.my

ISSN 1394 - 8687



POLIS & MASYARAKAT

BERITA BUKIT AMAN
ISSN 1394-8687



9 771394 868002

TAN SRI DATO' SERI HAJI ISMAIL HADIR PERINGATAN KE-66 HARI BHAYANGKARA POLRI

Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Jakarta, 1 Julai 2012 – Kepolisian Negara Republik Indonesia (POLRI), adalah Kepolisian Nasional di Indonesia, yang bertanggungjawab di bawah pentadbiran Presiden Indonesia. POLRI sebagai penguatkuasa undang-undang di seluruh wilayah Indonesia.

POLRI dipimpin oleh seorang Kepala Kepolisian Negara Republik Indonesia (Kapolri). Kapolri ketika ini ialah Jeneral Polisi Timur Pradopo.

Pada tanggal 1 Julai 2012, tercatat satu lagi sejarah apabila berlangsungnya Perbarisan Peringatan Ke-66



Hari Bhayangkara, Kepolisian Negara Republik Indonesia di Lapangan Mako Korbrimob, POLRI, Jakarta, Indonesia, yang dihadiri sendiri oleh Dr. H. Susilo Bambang Yudhoyono, Presiden Republik Indonesia.

Inspektur Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara, Polis Diraja Malaysia, diundang menghadiri majlis itu. Ketibaan Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail disambut oleh Jeneral Polisi Timur Pradopo, Kepala Kepolisian Negara Republik Indonesia (Kapolri).

Pada masa sama, Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jeneral Polisi Timur Pradopo di atas sambutan Peringatan Ke-66 Hari Bhayangkara Polri.

Turut mengiringi Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail di upacara itu ialah DCP Dato' Haji Ghazali Haji Md. Amin, Setiausaha Polis Malaysia (SUPM) dan ASP Hammi Zamri Abdullah, ADC Ketua Polis Negara, Polis Diraja Malaysia.



EDITORIAL



Salam hormat,

Persepsi masyarakat masa kini menganggap bahawa usaha membanteras dan memerangi jenayah pada keseluruhannya terletak pada bahu pasukan polis semata-mata kerana polis mempunyai kuasa selain kecekapan dan peralatan yang secukupnya bagi tujuan tersebut. Polis juga sering dituding jari dan dipersalahkan apabila meningkatnya kadar jenayah pada masa-masa tertentu.

Pencegahan jenayah sememangnya telah termaktub di bawah peranan dan fungsi Pasukan Polis seperti di dalam Seksyen 3(3) Akta Polis 1967, iaitu Pengesanan dan Pencegahan Jenayah. Dengan terteranya peranan tersebut dengan jelas, maka pendekatan kepolisan masa ini tidak boleh hanya tertumpu kepada tindakan reaktif sahaja kerana kehendak dan harapan masyarakat kini yang mengalami perubahan persekitaran, peningkatan penduduk, polariti pendidikan, kemajuan ICT dan pengwujudan jenayah yang lebih dinamik perlu ditangani oleh Pasukan Polis.

Konsep *community policing* yang diperkenalkan oleh pucuk pimpinan hendaklah sentiasa dijadikan sebagai satu falsafah polis di dalam melaksanakan pencegahan jenayah. Ia juga sinonim dengan pendekatan tema Peringatan Hari Polis Ke-205, iaitu; "Komuniti Sejahtera Komitmen Kami". Ini adalah kerana *community policing* merupakan satu kaedah mengenalpasti dan mengurangkan ketakutan terhadap jenayah dan masalah gejala sosial melalui kaedah penyelesaian masalah dan kerjasama polis dan masyarakat.

Dalam konteks ini, semua pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia hendaklah menjadikan konsep *community policing* sebagai teras apabila menjalankan tugas masing-masing kerana ia dapat menjalinkan kerjasama rapat di antara Polis dan Masyarakat di samping mewujudkan peluang kepada masyarakat untuk menyelesaikan masalah penduduk setempat dalam satu kumpulan. Selain itu, ia juga melibatkan masyarakat di dalam menangani masalah peningkatan jenayah dan persepsi kebimbangan masyarakat menangani jenayah serta mewujudkan tatacara berstruktur bekerjasama sebagai rakan atau *smart partnership*. Ini secara langsung akan menanamkan semangat hakmilik bersama dalam perancangan dan hasil tindakan di antara polis dan masyarakat.

'Selamat Membaca dan Selamat Menyambut Hari Raya Aidiladha'

- DSP Venugopal Navaretnam



PENASIHAT ● ACP Ramli Mohamed Yoosuf

KETUA EDITOR ● Supt. Norisah Ab Hamid

EDITOR ● DSP Venugopal Navaretnam

PENOLONG EDITOR ● ASP Mohd Fadzil Ismail

● Insp. Mohd Zaki Abu Bakar ● Insp. Haslina Muhamad Nor

STAF PENULIS / JURUFOTO

● SI Megat Nizar Megat Uda Abdullah

● Kpl. Mohamad Wahid Mat Din

● Kpl. Noorlidia Mamun

● L/Kpl. Aslam Syir Khan

● L/Kpl. Sufian Arshad

● Konst. Mohd Iqbal Nasruddin

PEREKA GRAFIK

● SM Zakaria Muhamad (Kia)

PENTADBIRAN / PENGEDARAN ● Shimatul Aida Maamor

KEWANGAN ● DSP Ahmad Shukri Mat Akhir ● Baharuddin Baba

ALAMAT SURAT MENYURAT ● Unit Penerbitan, Urus Setia KPN (Komunikasi Korporat), Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, 50560 Kuala Lumpur

● Tel.: 03-2266 8325/8329 ● Faks. 03-2266 8330

DICETAK OLEH ● PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD



4 April 2012 – Yves Godiveau, "French Regional Police Attache" mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.



5 April 2012 – Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) membuat kunjungan hormat ke atas Deputy Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara.



10 April 2012 – Lieutenant General Wu Yunfeng "Deputy Commnissar Of Chinese People's Armed Police" bersama delegasi polis dari China telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.



16 April 2012 – Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri hadir ketika kunjungan hormat oleh Hon. Mr. Gerald Howarth, "Minister For Internasional Security Strategy, United Kingdom" ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.



18 April 2012 – Mr. Mustafa Cankal, Timbalan Ketua Polis Turki telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.



18 April 2012 – Jeneral Saeed Al-Qahtani, Ketua Polis Arab Saudi bersama delegasi Polis Arab Saudi telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.



29 Mei 2012 - Mrs. Sahar Muhammedally, *Human Rights Watch United States* telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Deputy Inspektor Jeneral, Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara.



21 Jun 2012 – Dr. Bubaker A. Al-Mansuri, Libyan Ambassador membuat kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.



18 Jun 2012 – Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia membuat kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.



195 | TERIMA PINGAT DI ISTIADAT PENGANUGERAHAN DARJAH KEPAHLAWANAN PASUKAN POLIS

Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Kuala Lumpur, 19 Jun 2012 – Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah, berkenan menganugerahkan Darjah Kehpahlawanan Pasukan Polis kepada seramai 195 orang pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM). Istiadat berlangsung di Balairong Seri, Istana Negara, Kuala Lumpur, sempena sambutan Hari Polis Ke-205 Tahun 2012.

Mendahului senarai, CP Datuk Mortadza Nazarene, Pengarah Pengurusan PDRM dengan dianugerahkan Darjah Panglima Pasukan Polis (PGPP).

Darjah Setia Pasukan Polis (PSPP), dianugerahkan kepada 22 pegawai kanan. Di antara penerimanya DCP Dato' Zamri Yahya, SAC Dato' A. Rahman Ahmad, SAC Dato' Ramli Haji Din, SAC Noor Azam Jamaludin, SAC Abd. Aziz Alwee dan ACP Wan Abd Aziz Wan Hamzah.

Manakala Darjah Pahlawan Pasukan Polis (PPP) dianugerahkan kepada 39 pegawai, di antaranya Supt. Nur Muhammad Othman, Supt. Moses Agat, Supt. Mah Khye Beng, Supt. Landi Ilod, DSP Mohd Nadzir Gulam Kadir, DSP Adzhar Othman dan ASP Kok Chai Fong.

Darjah Kesatria Pasukan Polis (KPP) dianugerahkan kepada lapan pegawai. Terdiri daripada P/ASP Mohd Yusoff Tahir, Insp. Azman Omar, Insp.

N. Visvanathan, Insp. Jamil Ahmad, Insp. M. Madialagan, Insp. Mazli Abd Aziz dan Insp. Zulkifli Zakaria.

Seterusnya Pingat Bentara Pasukan Polis (BPP), dianugerahkan kepada 125 anggota pangkat rendah. Di antara penerimanya S/Insp. Abd Ghani Ali, Sjn. Mejar Manoharan Shunmugam, Sjn. Mejar Abdul Rahman Abdullah, Sjn/D. Kamsiah Md. Yusoff, Sjn/D. Ganesarao Bentaiah, Sjn. Kulop Leama, Kpl. Solomoto Appoou, Kpl. Bah Berding Bah Bembang dan Kpl. John Dana Tagam.

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah turut berangkat di istiadat yang bersejarah itu.

Hadir sama Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara dan Deputy Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara.





201

PEGAWAI DAN ANGGOTA PDRM TERIMA PINGAT

Oleh : S/Insp. Megat Nizar



Kuala Lumpur, 21 Jun 2012 - Istiadat Penganugerahan Darjah Kepahlawanan Pasukan Polis Siri 2/2012, telah berlangsung di Balairong Seri, Istana Negara, Kuala Lumpur. Seramai 201 pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerima Darjah dan Pingat daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah.

Istiadat penganugerahan itu diadakan bersempena Peringatan Hari Polis Ke-205 Tahun 2012. Sebelum ini Istiadat Penganugerahan Siri 1/2012, telah diadakan pada 19 Jun 2012.

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah, turut mencemar duli berangkat ke istiadat yang bersejarah itu.

Istiadat didahului dengan pengurniaan Darjah Panglima Gagah Pasukan Polis (PGPP), penerimanya ialah CP Dato' Wira Salleh Mat Rasid, Pengarah Jabatan KDNKA dan diikuti CP Dato' Pahlawan Zulkifli Abdullah, Pengarah Jabatan Logistik PDRM.

Seramai 24 orang pegawai kanan dianugerahkan Darjah Panglima Setia Pasukan Polis (PSPP). Di antara penerimanya terdiri DCP Dato' Tajudin Md. Isa, SAC Dato' Ayob Khan Mydin Pitchay, SAC Zull Aznam Haron, ACP Khasnah Abd Kahar, ACP Gan Choon Hong, ACP Francis Beh Kok Kiang dan ACP Zauddin Haji Samsu Hadi.

Darjah Pahlawan Pasukan Polis (PPP), dianugerahkan kepada seramai 36 pegawai, antaranya Supt. Wan Mohd Samsudin

Wan Osman, Supt. Chin Hak Ying, Supt. Razali Ibrahim, Supt. Kasuahdi Haji Ali, Supt. M. Chandrasekaran, DSP Aminah Amin, ASP Douglas Nyeging Taong, ASP Puziyah Aaron dan ASP Hammizamri Abdullah.

Manakala Darjah Kesatria Pasukan Polis (KPP), dianugerahkan kepada seramai 9 pegawai iaitu Insp. Zainal Mohyah, Insp. Rosle Desa, Insp. Sharifah Mohamad Zin, Insp. Haji Abd Ghani Sahman, Insp. Ahmad Nazri Mohd Adnan, Insp. Rahmah Atan, Insp. Er Sheau Jia, Insp. Rosmadi Ruslan dan Insp. Hajah Rohana Abd. Majid.

Pingat Bentara Pasukan Polis (BPP) dianugerahkan kepada 130 anggota pangkat rendah. Antaranya Sab Insp. Sazali Sarjuni, Sab Insp. Ahmad Hamdan, Sab Insp. Nor Azman Hassan, Sjn. Mejar Ayub Shafie, Sjn. Mejar Faridah Ismail, Sjn. Mejar Rosmin Abd Manan, Sjn. Mejar Anuar Hamdan Haji Ibrahim, Sjn. Mejar K.Nandakumal, Sjn. Mejar Rufus Ikau, Sjn/D Mohamad Azlan Mohamad Noor, Sjn. Cham Bee Wan, Sjn. Mehad Salleh, Sjn. Fatimah Ali, Koperal Zuraidah Talip dan Koperal Abd Latib Hasan.

Diakhir istiadat Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara, meluangkan masa bersalam-salaman dengan para penerima anugerah sambil mengucapkan tahniah dan syabas di atas penganugerahan tersebut.

Hadir sama kedua-dua Timbalan Menteri Dalam Negeri iaitu Dato' Wira Abu Seman Yusop dan Dato' Lee Chee Leong.



RAJA PERLIS ANUGERAH SPMP KEPADA TAN SRI DATO' SERI HAJI ISMAIL

Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Arau, 17 Mei 2012 – Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara, dianugerah Darjah Seri Paduka Mahkota Perlis (SPMP), oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Negeri Perlis sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-69, di Balairong Seri, Istana Arau, Perlis.

Berangkat sama ke Istiadat itu, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Tengku Fauziah Binti Almarhum Tengku Abdul Rashid, Raja Perempuan Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah, Raja Puan Muda Perlis serta Dato' Seri Md. Isa Sabu, Menteri Besar Perlis.

Darjah Seri Paduka Mahkota Perlis (SPMP) dizahirkan pada 21 September 1965. Darjah tersebut mengandungi Kalung, Bintang, Selempang dan Lencana. Penerima kurnia bagi Darjah ini membawa gelaran Dato' Seri.

Pada istiadat sama ACP Zainuddin Ahmad dikurniakan Darjah Setia Mahkota Perlis (SMP) dan Supt. Che Man Md. Dros, Ketua Polis Daerah Padang Besar, Perlis dianugerahkan Darjah Seri Sirajuddin Perlis (SSP).

Turut diadakan Majlis Santapan Negeri yang diadakan di Istana, Arau, Perlis, dengan tema 'Raja Berdaulat, Perlembagaan Dijunjung, Sejahtera Rakyat, Negeri Disanjung'.

Turut hadir ialah DCP Dato' Haji Ghazali Haji Md. Amin, Setiausaha Polis Malaysia (SUPM) dan SAC Zull Aznam Haron, Ketua Polis Perlis.



INDEKS JENAYAH TERUS MENURUN 'MALAYSIA PALING SELAMAT'

Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Kuala Lumpur 2 April 2012 – Pelaksanaan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang memfokus kepada memerangi jenayah mencatat rekod tersendiri apabila berjaya menurunkan indeks jenayah dan kadar jenayah jalanan untuk tempoh dua tahun berturut-turut.

Menurut Laporan Tahunan 2011 Program Transformasi Kerajaan (GTP), indeks jenayah turun 11.1 peratus manakala jenayah jalanan 39.7 peratus sekali gus menunjukkan keberkesanan pelbagai program pencegahan oleh anggota keselamatan khususnya Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Tambah membanggakan, selain penurunan kadar jenayah, Malaysia turut diiktiraf sebagai negara paling aman di kalangan negara-negara di Asia Tenggara serta berada dikedudukan keempat paling selamat di antara negara Asia Pasifik. Pengiktirafan oleh Indeks Keamanan Global (GPI) 2011 itu turut meletakkan Malaysia dikedudukan Ke-19 negara paling selamat dan aman di kalangan 153 negara.

Berdasarkan Indeks Kedaulatan Undang-Undang 2011, Projek Keadilan Sejagat (WJP) pula, Malaysia berada di tangga Ke-19 paling selamat di kalangan negara-negara berpendapatan pertengahan tinggi.

Di bawah NKRA itu juga, tahap kepuasan rakyat terhadap perkhidmatan PDRM meningkat kepada 70.5 peratus selain lebih tiga juta sukarelawan mendaftar untuk menyertai Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM).

Beberapa inisiatif baru turut diperkenalkan seperti memberi peluang kepada rakyat untuk membuat penilaian terhadap perkhidmatan PDRM secara serta-merta melalui Sistem Tinjauan Pelanggan (CSS).

Strategi Lautan Biru juga dilaksanakan dalam mewujudkan kerjasama antara PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) iaitu anggota polis menjalani latihan di pusat latihan ATM yang mampu mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk membina pusat latihan tambahan bagi anggota keselamatan itu.



AMALKAN KONSEP 4P DALAM PENUGASAN HARIAN

- DCP Dato' Haji Ghazali

Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Langkawi, 15 Jun 2012 – Seluruh warga Polis Diraja Malaysia (PDRM), disarankan agar sentiasa mengamalkan amalan konsep '4P' dalam penambahbaikan kualiti perkhidmatan kepada semua peringkat komuniti.

"Pelindung (*Protective*), Proaktif (*Proactive*), Penumpuan Kepada Masyarakat (*People Oriented*) dan Prestasi (*Performance and Outcome Oriented*), menjadi tunggak kepada perkhidmatan pasukan".

"Konsep 4P tersebut diyakini dapat merasionalisasi perkhidmatan pasukan polis bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Bukan sahaja kepada komuniti awam, malahan kepada semua peringkat pegawai, anggota dan pegawai awam dalam PDRM".

"Selain itu, amalan 4P juga bertujuan memastikan transformasi kepimpinan dalam penyampaian perkhidmatan berupaya menyeimbangkan kepentingan masyarakat dan integriti pasukan polis".



"Ia juga untuk memperkasakan modal insan dalam pasukan bagi menyampaikan perkhidmatan yang responsif kepada kehendak komuniti dalam sebuah negara yang majmuk ini".

Demikian kata DCP Dato' Haji Ghazali Haji Md. Amin, Setiausaha Polis Malaysia (SUPM), ketika berucap di Majlis Penutup Kursus Asas Perhubungan Awam Siri 1/2012, di Mes Pegawai Kanan, Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Langkawi, Kedah Darul Aman.

Kursus yang dianjurkan oleh Urus Setia Ketua Polis Negara (Komunikasi Korporat), Bukit Aman itu melibatkan 25 orang Ketua Polis Balai dari kontinjen Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Kursus diadakan pada 12 – 15 Jun 2012.

Turut hadir ACP Ramli Mohamed Yoosuf, Penolong Ketua Urus Setia KPN (Komunikasi Korporat) dan ACP Mohd Roze Shaari, ACP Pentadbiran II Jabatan Pengurusan, Bukit Aman.

KOMITMEN KOLEKTIF, PDRM INOVATIF

Oleh : Kpl. Noorlidia Mamun

Kuala Terengganu, 25 Jun 2012 - Menuju usaha untuk meningkatkan budaya inovasi dalam pasukan dilaksanakan secara terangkum dan menyeluruh, tersusun, terancang serta berterusan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengeluarkan 'Pelan Pengurusan Inovasi PDRM Bagi tahun 2012-2015'.

Pelan yang dibentuk berlandaskan 6 teras strategik, 10 objektif strategik, 10 KPI dan 14 program akan dinilai pencapaian pelaksanaannya berasaskan petunjuk prestasi utama yang mempunyai sasaran tertentu untuk dicapai melalui beberapa program yang diwujudkan ke arah pencapaian objektif, strategik inovasi yang disasarkan demi kejayaan pasukan.

"PDRM perlu berani melaksanakan transformasi serta bersedia menerima perubahan yang inovatif dan kreatif bersesuaian dengan perubahan persekitaran semasa ke arah perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan, bersesuaian dengan tema hari Inovasi PDRM tahun 2012 iaitu, 'Komitmen Kolektif, PDRM Inovatif'.

"Tahniah diucapkan kepada Pengarah-Pengarah Jabatan PDRM, Pesuruhjaya Polis Sabah dan Sarawak serta Ketua-Ketua Polis Negeri kerana melalui perancangan yang teliti dan



kesungguhan melaksanakan transformasi melalui inisiatif-inisiatif NKRA mengurangkan jenayah yang berteraskan inovasi, pasukan berjaya menurunkan kadar Jenayah Indeks sebanyak 10.1% dan kadar Jenayah Jalanan sebanyak 43.0% bagi tempoh Januari hingga Mei 2012 berbanding tempoh yang sama bagi tahun 2011".

Demikian kata Deputy Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara, ketika menyampaikan ucapan sempena Sambutan Hari Inovasi Polis Diraja Malaysia 2012 di Cindai Ballroom, Ri-Yaz Heritage Resorts & SPA, Pulau Duyong, Kuala Terengganu, Terengganu. Pada majlis itu Tan Sri Dato' Sri Khalid turut menyempurnakan Penutupan Sambutan Peringatan Hari Polis 2012 dan Seminar Pemantapan 1 JKKK 1 Polis dan 1 Masjid 1 Polis. Di samping itu, turut melancarkan Kempen Program 1 Perkhidmatan atau Produk, 1 Jabatan atau Kontinjen Polis Diraja Malaysia.



KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF PDRM TAHUN 2012

Oleh : Kpl. Mohamad Wahid

Kuala Terengganu 25 Jun 2012 - Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2012 merupakan salah satu inisiatif pasukan untuk mengutarakan pelbagai idea baru berteraskan ciri-ciri inovatif dan kreatif serta menerapkan konsep *knowledge-based* dan *creativity-driven* bagi membolehkan organisasi menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambahan dalam perkhidmatan di samping melahirkan warga PDRM yang menjadi peneraju (*trend setter*) dalam melaksanakan pengurusan kepolisan seharian.

"Golongan tersebut tidak gentar dengan cabaran, walaupun ramai yang bersifat positif, namun tidak semua berpotensi dan berani bekerja sebagai satu kumpulan dalam suasana kompetitif".

"Pendedahan, pengalaman dan cabaran yang dilalui sepanjang pertandingan hendaklah dimanfaatkan sehingga berupaya mencetuskan satu anjakan dari segi prestasi dan budaya kerja, terutamanya dalam bidang-bidang yang kritikal di samping melonjakkan kedudukan PDRM sebagai pasukan inovatif yang mampu memberikan perkhidmatan yang efektif selari dengan tema Konvensyen KIK PDRM 2012 iaitu "Pasukan Inovatif Perkhidmatan Efektif".

Demikian kata SAC Dato' Jamshah bin Mustapa, Ketua Polis Terengganu ketika berucap di Majlis Perasmian Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Peringkat PDRM Tahun 2012

di Ri-Yaz Heritage Marina Resort & SPA, Pulau Duyong, Kuala Terengganu.

Sebanyak 12 kumpulan menyertai pertandingan yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori Teknikal (5 projek) dan juga Kategori Pengurusan (7 projek).

Pertandingan diadili oleh Hasrizal bin Zainul, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kreatif dan Inovatif Intan Wilayah Tengah (INTENGAH), Haji Omar Othman, Pengurus Kecemerlangan Organisasi, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Eda Mariati binti Awang, Penolong Pengarah, Bahagian Transformasi Sektor Awam, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Penilaian Pemarkahan Persembahan Kumpulan pula dibahagi kepada 8 kriteria, iaitu pemilihan masalah/projek penambahbaikan, penjelasan masalah/projek penambahbaikan, penggunaan teknik-teknik penyelesaian masalah, tindakan pembetulan dan pelaksanaan, pencapaian hasil projek, tindakan penyeragaman, penilaian kumpulan dan persembahan projek.

Kumpulan 'F' Transform dari IPD Petaling Jaya menjuarai Kategori Teknikal dan Kumpulan Roda. IPD Ipoh, Perak pula menjuarai Kategori Pengurusan. Naib Johan Kategori Teknikal, Kumpulan 'U-7' dari Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) Negeri Sembilan, tempat Ketiga T-Ganu Team dari IPK Terengganu dan Naib Johan Kategori Pengurusan, Kumpulan 'Target', Briged Utara PGA Ulu Kinta. Ketiga pula Kumpulan Smart COPS, IPD Subang Jaya, Selangor.





MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN OPERASI DAN LATIHAN (JPOL)

Oleh : L/Kpl. Aslam Syir Khan

Kuala Lumpur, 7 Jun 2012 - Bagi 'Memperkasakan Keselamatan dan Pertahanan Negara', satu Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Operasi Dan Latihan (JPOL) Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia telah diadakan di Bilik Mesyuarat Wisma Transit, (MINDEF) Kuala Lumpur.

Delegasi Polis Diraja Malaysia diketuai oleh CP Dato' Wira Salleh Mat Rasid, Pengarah Jabatan KDNKA, yang juga Pengerusi Bersama JPOL PDRM dan delegasi ATM pula diketuai oleh Lt. Jeneral Datuk Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia yang juga Pengerusi Bersama JPOL ATM.

Mesyuarat membincangkan program-program kerjasama PDRM/ATM di dalam bidang operasi, latihan serta kursus yang telah menampilkan kejayaannya sehingga telah mendapat pengiktirafan dari pihak kerajaan melalui 'Blue Ocean Strategy'.

Turut hadir semasa mesyuarat ialah SAC Dato' Abdul Rahman Haji Hussin, Timbalan Pengarah 1, Jabatan KDNKA, SAC Dato' Muhammad Fuad Abu Zarim, Timbalan Pengarah Jabatan KDNKA (PGA/Pengurusan Sempadan/Kawalan Keselamatan LTAB) dan SAC Dato' Jaafar Mohd Yusof, Komander Unit Tindakan Khas.





KEMBARA IMBAU KENANGAN ERA KEGANASAN KOMUNIS

Oleh : L/Kpl. Aslam Syir Khan

Perak, 22 Jun 2012 - Rombongan kembara daripada pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah bermula dari Kuala Lumpur ke Grik, Perak.

Kembara dikenali sebagai Kembara *Community Policing*, Polis Bersama Masyarakat Orang Asli turut disertai oleh Police Lieutenant No.1042 Mr. Dennis Wombell, yang pernah bertugas bersama dengan Polis Malaya pada era keganasan komunis pada 22 September 1951 hingga 1 Mei 1956.

Ekspedisi kembara bermula di Grik, Perak. program *community policing* bersama veteran-veteran anggota 'Homeguard', *Extra Police Constable* (EPC), dan Polis Bantuan (AP) yang pernah berkhidmat di Tanah Malaya sekitar 1948 telah diadakan.

Ekspedisi kembara kemudian diteruskan ke Pengkalan Hulu dan rombongan dibawa meninjau kawasan Gunung Paku yang pernah menyaksikan sejarah Chin Peng diiringi ke Thailand.

Rombongan kembara kemudiannya dibawa melawat ke sempadan Malaysia-Thailand di Pengkalan Hulu/Baling sebelum menghadiri Mesyuarat Agong Tahunan Kali Ke-26 Persatuan Bekas Polis Malaysia Cawangan Grik-Lenggong.

Aktiviti kembara diteruskan sehingga ke Fort Kemar, satu lokasi di pedalaman Perak yang pernah menyaksikan ianya sebagai pusat latihan pasukan gerakan khas 69 Komando yang pertama di Tanah Melayu.

Di Fort Kemar, rombongan ekspedisi telah mengadakan beberapa aktiviti *community policing* dengan veteran-veteran komando serta penduduk setempat yang terdiri daripada orang-orang asli.



'MAJLIS MALAM JASAMU DIKENANG' Cawangan Trafik

Oleh : Konst. Mohd Iqbal

Petaling Jaya, 6 April 2012 – Majlis Malam Jasamu dikenang telah diadakan di Tropicana Golf & Country Resort, Petaling Jaya. Majlis ini khusus diadakan sebagai tanda terima kasih seluruh warga PDRM kepada anggota yang telah bersara, dinaikkan pangkat, bertukar tempat tugas dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).

Seramai (5) orang anggota yang telah bersara, (17) pegawai dan anggota akan bertukar ke tempat baru dan (1) pegawai akan melanjutkan pelajaran ke luar negara. Ucapan tahniah juga kepada (2) orang pegawai yang telah dinaikkan pangkat. Di antara pegawai yang telah bersara ialah Supt. Haji Alias Haji Sam, DSP Noor Azizan Arshad, ASP Azhar Ahmad, Sjn. Abdullah Bukhori Mohd Salleh dan Sjn. Muhammad Saleh Ahmad.



Hadir pada majlis itu ialah SAC Dato' Abd Aziz Yusof, Ketua Trafik Pasukan bersama Datin Wan Masiah Ismail, Pengerusi PERKEP Cawangan Trafik Bukit Aman.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR

Oleh : Konst. Mohd Iqbal

Bukit Aman, 26 April 2012 – Sekolah Menengah Kebangsaan Geliga, Kemaman, Terengganu dan Sekolah Menengah Kebangsaan Shahbandar, Klang, Selangor telah mengadakan lawatan sambil belajar di Dewan Theathere, Menara 1, Bukit Aman.

Seramai 112 orang pelajar dan 12 orang guru dari kedua-dua buah sekolah hadir ketika lawatan tersebut. ASP Abu Bakar Hamid, (Urus Setia Jabatan Siasatan Jenayah) telah terbabit sebagai fasilitator untuk memberi input-input cara pencegahan jenayah kepada setiap pelajar.



BERSIH 3.0

JANGAN BUAT SEBARANG ANDAIAN DAN KESIMPULAN

Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Kuala Lumpur, 2 Mei 2012 – Orang ramai dan pihak media diminta supaya tidak membuat kesimpulan awal sebaliknya melihat secara menyeluruh insiden keganasan yang tercetus ketika perhimpunan Bersih 3.0 di ibu negara pada 28 April 2012, lalu.

“Semua pihak diberi peluang melihat sendiri tindakan pihak polis pada hari tersebut dari pukul 6.00 pagi sehingga sebelum berlaku kekacauan pada lebih kurang pukul 3.00 petang. Pihak polis tidak halang sebarang tindakan peserta sehinggalah mereka didapati melanggar perintah mahkamah”.

“Anda semua lihat bagaimana pihak polis bertugas dari pukul 6.00 pagi, lihat juga tindakan peserta-peserta, baru adil untuk semua pihak. Lihat secara menyeluruh sebelum buat sebarang penilaian dan kesimpulan. Polis hanya melakukan tindakan selepas sekatan diubah, diangkat dan diceroboh serta dirosakkan”.

Kata Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara di majlis perjumpaan KPN Bersama Media di Mes Pegawai Kanan Ibu Pejabat Bukit Aman, yang dihadiri Ketua-Ketua Editor dan Pengamal Media Cetak dan Elektronik dari pelbagai agensi.

Tindakan profesional pihak polis telah berjaya mematahkan usaha peserta perhimpunan Bersih 3.0 yang cuba memasuki Dataran Merdeka setelah kumpulan itu melanggar larangan Mahkamah Majistret yang mengeluarkan arahan melarang kehadiran orang awam di Dataran Merdeka mulai 28 April hingga 1 Mei 2012.

Mahkamah Majistret mengeluarkan larangan tersebut setelah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak membenarkan dataran itu dijadikan lokasi perhimpunan kecuali acara rasmi peringkat nasional dan turut menawarkan lokasi alternatif tetapi ditolak oleh penganjur Bersih 3.0.

Pada masa sama, Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail turut



meminta semua pihak agar tidak mudah membuat spekulasi dan kesimpulan sehingga siasatan selesai berhubung insiden yang berlaku ketika perhimpunan tersebut.

“Polis mengalu-alukan laporan daripada semua pihak mengenai perhimpunan tersebut termasuk mereka yang mendakwa dikasari oleh pihak berkuasa. Kita menerima banyak laporan termasuk daripada peserta dan wartawan mendakwa dikasari pihak polis ketika pihak berkuasa meleraikan perhimpunan badan bukan kerajaan (NGO) yang disokong pembangkang selain melanggar larangan mahkamah dengan menceroboh Dataran Merdeka.”

“Bukan saja orang awam, malah anggota polis turut cedera serta empat kenderaan polis turut dirosakkan dalam perhimpunan ganas itu. Malah penggunaan pancutan air ke arah peserta dan menggunakan gas pemedih mata adalah kaedah yang paling selamat di dunia dalam meleraikan perhimpunan yang melibatkan ribuan orang.”

Demikian kata Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail di majlis yang turut dihadiri CP Datuk Seri Mohd Bakri Mohd Zinin dan DCP Dato' Mohamad Salleh, Ketua Polis Kuala Lumpur.

Di samping itu, Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail turut memberi jaminan bahawa siasatan terperinci akan dijalankan dan tidak mahu imej Polis Diraja Malaysia tercemar disebabkan tindakan segelintir anggotanya mengasari peserta perhimpunan dan petugas media.



KEMBARA PDRM DEKATI SEMUA PERINGKAT

Oleh : S/Insp. Megat Nizar



Kuala Lumpur, 1 Mei 2012 – Buat julung kalinya deruan lebih 40 kenderaan pacuan empat roda (4X4) dengan penyertaan lebih 150 pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) di beberapa buah negeri merupakan suatu inisiatif mendekati semua peringkat masyarakat, sama ada di desa mahupun kota.

Kembara sempena Sambutan Hari Polis Ke-205, bermula dari Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur (PULAPOL KL) itu melibatkan

konvoi
berbasikal dan motosikal
berkuasa tinggi itu selari dengan amanat Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara ketika majlis pelepasan kembara itu dengan berkata, "bidang kerja setiap anggota mahupun pegawai polis kini tidak lagi bertumpu di balai-balai polis sahaja".

"Transformasi harus dilakukan dan pendekatan lama iaitu masyarakat bertemu polis di balai tidak lagi menjadi kebiasaan tetapi polis perlu keluar untuk bertemu dan bertanyakan masalah rakyat."

"Interaksi dan komunikasi antara polis dan masyarakat harus berubah dan diperbaiki. Polis tidak lagi hanya duduk di pejabat atau di balai, sebaliknya perlu keluar untuk lebih dikenali oleh



KAT MASYARAKAT



masyarakat setempat. Kembara sedemikian adalah inisiatif yang dihasilkan ke arah itu yang selari dengan transformasi yang dimahukan oleh Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, yang mahukan pemimpin turun padang berjumpa dengan masyarakat".

Demikian kata Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, di majlis pelepasan kembara itu yang turut dihadiri oleh CP Datuk Seri Mohd. Bakri Mohd. Zinin, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, individu yang mencetuskan idea mengadakan kembara tersebut sebagai menunjukkan komitmen PDRM dalam merubah pandangan masyarakat terhadap pasukan polis.

Lokasi pertama kembara adalah di Jalan Janda Baik, Pahang dan seterusnya, lokasi kembara selama tiga hari itu beralih ke kawasan pedalaman iaitu sebuah perkampungan orang asli yang terletak di Kampung Sungai Bot, Bentong.

Kembara diteruskan ke persinggahan di Balai Polis

Telemong, Karak dan seterusnya ke Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Talang, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Setelah itu kembara bergerak ke Dataran Pahlawan di Bandar Melaka untuk diraikan bersama-sama konvoi berbasikal serta motosikal berkuasa tinggi oleh pelbagai lapisan masyarakat yang hadir membanjiri Dataran Pahlawan itu.

"Pendekatan PDRM dengan mengadakan pelbagai program dan karnival bersama rakyat dilihat dapat membantu memupuk kesedaran serta sikap terbuka di kalangan masyarakat. Kaedah sedemikian bukan sahaja mengeratkan hubungan antara warga PDRM dengan masyarakat malah ia juga boleh memberi kesan positif kepada mutu perkhidmatan pasukan yang diberikan", ujar Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail lagi.

"Sesungguhnya saya berpuas hati dengan acara yang dianjurkan dalam mendekati masyarakat di segenap lapisan kerana ia mampu memberi kesan yang baik. Hasilnya, ia secara tidak langsung memberi sokongan moral kepada warga PDRM untuk meneruskan perkhidmatan terbaik seperti yang dijanjikan pada moto 'Komuniti Sejahtera Komitmen Kami' ", tegas Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail yang amat berpuas hati dan gembira dengan acara yang diadakan disepanjang kembara itu.



MAJLIS MAKAN MALAM

Defence Services Asia (DSA) Kali Ke-13

Oleh : Konst. Mohd Iqbal

Kuala Lumpur, 17 April 12 – Majlis Makan Malam sempena pameran *Defence Services Asia (DSA)* kali ke-13 telah diadakan di Sheraton Imperial Hotel, Kuala Lumpur. Sebanyak 850 buah syarikat asing terutamanya Asia Tenggara, Asia Selatan dan Timur Tengah mengambil bahagian pada DSA 2012, pameran pertahanan dan keselamatan kelima terbesar di dunia.

“Ianya adalah menjadi harapan bahawa pameran ini memberi peluang untuk bertemu dengan rakan-rakan di seluruh Rantau Asia serta bertukar-tukar idea mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang, isu kepolisan, pembenterasan jenayah dan ketenteraman awam”, kata Deputy Inspektor Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara ketika berucap di dalam majlis tersebut mewakili Inspektor Jeneral Tan Sri Dato’ Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua

Polis Negara sempena pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia Ke-13, di Hotel Sheraton Imperial.

Majlis makan malam tersebut turut dihadiri oleh Deputy Inspektor Jeneral Sanjay Kumar Singh, Timbalan Ketua Polis India, CP Mohammad Abul Kashem, Pesuruhjaya Polis Bangladesh, Lieutenant General Keo Vannthan, Pengarah Polis Antarabangsa Cambodia, CP, Dato’ Wira Salleh Mat Rasid, Pengarah Jabatan KDNKA, CP Datuk Mortadza Nazarene, Pengarah Pengurusan PDRM, CP Datuk Seri Mohd Bakri Mohd Zinin, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, CP Dato’ Seri Haji Mohamad Fuzi Harun, Pengarah Pasukan Petugas Khas (Operasi/Counter Terrorism), DCP Dato’ Haji Ghazali Haji Md Amin, Setiausaha Polis (SUPM), Mr. Tanvir Ahmad, Ketua Pengarah Imigresen Pakistan, Pegawai-Pegawai Kanan Polis mewakili negara Filipina, Korea, Mesir, Turki, Singapura dan Vietnam

PEGAWAI AWAM PDRM BERSAMA KPN

Oleh : Konst. Mohd Iqbal

Kuala Lumpur, 16 Mei 2012 – Inspektor Jeneral Tan Sri Dato’ Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara telah menghadiri Perhimpunan Pegawai Awam di Maktab Polis Diraja Malaysia yang telah dianjurkan oleh Kesatuan Kakitangan Perkhidmatan Tadbir Dan Awam Pasukan Polis, Semenanjung Malaysia (*Police Administrative And Civilian Staff Union, PACSU*).

Kesatuan Kakitangan Perkhidmatan Tadbir dan Awam Pasukan Polis Semenanjung Malaysia atau singkatannya PACSU, merupakan sebuah pertubuhan yang memperjuangkan hak-hak dan kepentingan serta tuntutan gaji dan elaun pegawai awam yang bertugas dalam pasukan PDRM. Pada masa yang sama, kesatuan ini turut membantu menyelesaikan masalah, kebajikan, serta kefahaman terhadap arahan dan peraturan termasuk menyerapkan budaya polis ke dalam diri setiap peringkat pegawai awam di Jabatan Polis Diraja Malaysia menerusi lafaz ikrar janji taat setia yang telah dilafazkan ketika perhimpunan tersebut.

Antara yang hadir, Deputy Inspektor Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara dan CP Dato’ Mohamad Fuzi Harun, Pengarah Pasukan Petugas Khas (Operasi / Counter Terrorism) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Perhimpunan Khas Pegawai Awam PDRM Tahun 2012.





"HIGH PROFILE POLICING" KOI 'C' PGA KUDAT

Oleh: SM Rosman Mohd. Ali

Kudat, 19 Mei 2012 – Program "*High Profile Policing*" anjuran Kompeni C Batalion 16 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kudat, Sabah bersama penduduk Sikuati, Kudat telah diadakan.

Program sehari yang bermula dari jam 7.00 pagi sehingga tengah malam itu telah dirasmikan oleh Datuk Teo Chee Kang, Adun N2 Tanjung Kapor, Kudat merangkap Pengerusi Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Negeri Sabah.

Program yang bermatlamat mendekatkan masyarakat setempat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) khasnya Pasukan Gerakan Am yang bertemakan "Komuniti Sejahtera Komitmen Kami" itu dihadiri oleh Supt. Bachok Labaya, Pegawai Pemerintah Batalion 16 Pasukan Gerakan Am Kota Kinabalu, DSP Sukri Kaman, Penolong Pegawai Pemerintah Batalion 16 Pasukan Gerakan Am Kota Kinabalu dan ASP Syed Tajuddin Syed Mohamed,

Kompeni C Batalion 16 Pasukan Gerakan Am Kudat selaku penganjur program tersebut.

Sebanyak 10 buah kampung dalam daerah Sikuati terlibat dalam program yang julung kali diadakan itu.

Ketika berucap Datuk Teo mengucapkan terima kasih kepada ketua-ketua kampung di daerah Sikuati, ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat khasnya Pasukan Gerakan Am yang banyak membantu dalam pelaksanaan program yang berjiwa rakyat itu.

"Selain dari menjaga keselamatan sudah seharusnya menjadi tanggungjawab bagi PDRM berdamping dengan masyarakat setempat bagi mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan keselamatan dan meningkatkan produktiviti penduduk setempat dengan mengadakan gerai-gerai makanan sedemikian. Secara tidak langsung dapat meningkatkan ekonomi penduduk di daerah Sikuati ini", ujar Datuk Teo.

Selain dari senamrobik, merentas desa, sukaneka pakaian beragam yang terbuka kepada penduduk kampung terdapat juga gerai menjual makanan oleh penduduk kampung dan PERKEP PGA Kudat.

Selain itu turut diadakan ruang pameran senjata-senjata yang digunakan oleh pasukan Polis dan kemudahan-kemudahan logistik yang terdapat di dalam Pasukan Gerakan Am.

Acara yang berakhir pada tengah malam itu mendapat sambutan di luar jangkaan oleh penduduk di daerah itu.





“CRIME AWARENESS CARNIVAL”

Oleh : Konst. Mohd Iqbal

Melaka, 21 April 12 – Sempena Peringatan Hari Polis ke-205, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menganjurkan karnival kesedaran jenayah “*Crime Awareness Carnival*” seiring dengan moto Hari Polis ke-205 “Komuniti Sejahtera Komitmen Kami”. Karnival itu berlangsung selama dua hari bermula 21 April 2012 dan berakhir pada 22 April 2012 di Dataran Pahlawan, Ayer Keroh, Melaka.

Program tersebut dapat memberikan input-input yang positif kepada masyarakat terhadap kesedaran jenayah yang sering berlaku di Malaysia. Oleh yang demikian, PDRM telah menganjurkan program bagi merapatkan hubungan dan meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap PDRM, serta mengurangkan persepsi yang negatif terhadap PDRM seperti dalam konteks “Komuniti Sejahtera Komitmen Kami”.

Pelbagai acara dianjurkan seperti sukan rakyat, *autoshow*, pertandingan karaoke, persembahan udara oleh Pasukan Gerakan Udara (PGU), larian mesra, dan lain-lain. Selain itu, pihak PDRM juga mengadakan pameran tentang semua unit-unit dan cawangan-cawangan dalam PDRM seperti Cawangan Trafik, Pasukan Polis Marin, Pasukan Gerakan Am, Unit Laman Web PDRM, Cawangan Persenjataan, Muzium PDRM, Rakan Cop, Pasukan Elit (Komando 69) dan sebagainya.

Sebelum karnival kesedaran jenayah itu berlangsung, Inspektor Jeneral Tan Sri Dato’ Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara telah menyempurnakan Majlis Perlepasan Kembara PDRM yang melibatkan Konvoi Berbasikal, Kembara Pacuan Empat Roda (4x4), Konvoi Motosikal Berkuasa Tinggi, dan Konvoi Perairan Pasukan Polis Marin, pada 20 April 2012, di Pusat Latihan Polis Diraja Malaysia (PULAPOL), Kuala Lumpur. Program Kembara PDRM itu melibatkan beberapa laluan di seluruh negara dan seramai 659 pegawai dan anggota terlibat dalam program Kembara PDRM yang berakhir pada 22 April 2012 di Dataran Pahlawan, Ayer Keroh, Melaka.

Turut hadir ketika karnival tersebut berlangsung adalah, Tuan Yang Terutama Tun Seri Utama Mohd Khalil Yaakob, Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri Melaka dan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri. Karnival Kesedaran Jenayah



tersebut telah dirasmikan oleh Datuk Seri Mohd Ali Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka.

“Polis Diraja Malaysia amat berbangga kerana dapat menganjurkan program yang julung-julung kali diadakan di Negeri Melaka pada tahun 2012 dengan jayanya. Sehubungan itu, PDRM juga telah berjaya menerapkan nilai-nilai murni diantara masyarakat dan Pasukan Polis Diraja Malaysia tentang kesedaran terhadap jenayah di negara dan berjanji akan memberi komitmen yang tinggi serta komited dalam setiap penugasan yang diberikan bagi memastikan negara berada dalam keadaan aman dan damai”, ujar Inspektor Jeneral Tan Sri Dato’ Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.





PROGRAM DERMA DARAH HARI POLIS KE-205

Oleh : Konst. Mohd Iqbal

Kuala Lumpur, 14 Mei 2012 – Deputy Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar Timbalan Ketua Polis Negara telah menghadiri Program Derma Darah Sempena Hari Polis Ke-205 di Sungai Wang Plaza, Kuala Lumpur telah dianjurkan oleh Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur.

Kempen tersebut diadakan bagi menarik minat seluruh masyarakat tentang kepentingan menderma darah dan dapat membantu insan-insan yang memerlukan, tidak kira agama, bangsa dan fahaman. Kempen seperti itu juga turut menarik perhatian orang ramai yang berkunjung ke pusat membeli belah tersebut untuk turut sama menyumbang bakti kepada masyarakat dan membantu orang ramai yang memerlukannya. Justeru itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyahut seruan bagi menganjurkan Kempen Derma Darah Sempena Hari Polis Ke-205.

Turut hadir di majlis tersebut ialah DCP Dato' Mohamad Salleh, Ketua Polis Kuala Lumpur, Dato' Dr. Faraizah Dato' Ab. Karim, Timbalan Pengarah Pusat Darah Negara, Cik Alicia Yuen, Chairman of Council Sungei Wang Plaza Management Corporation dan SAC Dato' Razali Ab. Razak, Ketua Jabatan Pengurusan Kuala Lumpur.



BAHAGIAN PESARA PDRM BERPERANAN MENJAGA KEBAJIKAN AHLI



Oleh : Kpl. Muhamad Wahid

Muar, 31 Mei 2012 – Bahagian Pesara Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang ditubuhkan berperanan bagi menjaga kabajikan lebih 170,000 pesara polis di seluruh Negara.

Bahagian itu akan diletakkan di bawah Jabatan Pengurusan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman yang bermatlamat bagi menyelesaikan segala masalah dan keperluan pesara polis.

“Sebelum ini kita pernah berbincang untuk memperkemaskan kebajikan semua pesara PDRM kerana kita tidak lupa segala jasa dan pengorbanan mereka. Bahagian tersebut akan menjaga hal ehwal dan soal kebajikan pesara PDRM. Insya-Allah segala masalah melibatkan 170,000 pesara akan diberi perhatian sewajarnya”.

Demikian kata Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara di majlis perasmian Perhimpunan Veteran PDRM dan Pra Pelancaran Galeri Darurat Bukit Kepong di perkarangan Muzium Polis Bukit Kepong, Muar, Johor.

Tambah Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail, “bahagian tersebut bukan sahaja akan menyalurkan bantuan kepada golongan sasaran, malahan bekerjasama dengan mereka dalam memberikan tunjuk ajar berdasarkan pengalaman luas dimiliki pesara polis ketika berkhidmat dalam PDRM”.

Mengenai Galeri Darurat Bukit Kepong pula, Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail berkata, “galeri itu akan dibina di tapak asal Balai Polis Bukit Kepong dengan kos RM15 juta yang bertujuan untuk mengabadikan sejarahnya yang pernah diserang oleh pengganas komunis pada 23 Februari 1950”.

“Adalah diyakini dengan terbinanya galeri itu Bukit Kepong akan menjadi satu lagi destinasi tumpuan pelancong tempatan dan luar Johor untuk melawat sambil menambah ilmu pengetahuan berkaitan sejarah silam Negara”.

Turut hadir di majlis yang bersejarah itu ialah Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara, DCP Dato' Mohd. Mokhtar Mohd. Shariff, Ketua Polis Johor, dan Datuk Seri J.J Raj, bekas Ketua Polis Daerah Pagoh, Johor ketika Balai Polis Bukit Kepong diserang pengganas komunis.



32 TAHUN BAHAGIA MELAYARI BAHTERA BERUMAHTANGGA

Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Kuala Lumpur, 24 Mei 2012 – Sikap saling mencintai dan menyayangi antara teras utama dalam melayari kehidupan berumahtangga. Hari ini 24 Mei 2012 merupakan Hari Ulang Tahun Perkahwinan Ke-32 Tahun, bagi Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara dengan Puan Sri Hajah Suriati Haji Md. Sobri.

Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail, 59, mendirikan rumahtangga dengan Puan Sri Hajah Suriati, 53, pada 24 Mei 1980. Pasangan ideal itu dikurniakan seorang anak lelaki dan seorang perempuan serta memiliki tiga orang cucu.

“Sepanjang perkahwinan kami mengamalkan sikap saling percaya antara satu sama lain dan bersikap jujur. Walau apapun terjadi kami sudah berjanji setia mengharungi susah senang bersama”.

“Kami juga terapkan unsur kasih sayang ini kepada anak dan menantu dengan doa agar mereka juga mengikut jejak kami yang masih berkasih sayang sehingga ke hari ini”, ujar Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail ketika ditemui di majlis bacaan Yassin, Tahlil dan



Kesyukuran yang diadakan di Masjid Bukit Aman sempena meraikan hari yang bersejarah itu.

Turut hadir DCP Dato' Haji Ghazali Haji Md. Amin, Setiausaha Polis Malaysia (SUPM), bersama isteri Datin Hajah Norsiah Haji Jalaluddin, ACP Ramli Mohamed Yoosuf, Penolong Ketua Urus Setia KPN (Komunikasi Korporat) dan Supt. Haji Ghazali Haji Daud, Supt. Urus Setia Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) Polis Diraja Malaysia.



SUMBANGAN BIASISWA DARI REPUBLIK KOREA SELATAN UNTUK ANAK-ANAK POLIS

Oleh : L/Kpl. Aslam Syir Khan

Bukit Aman, 7 Jun 2012 - Sumbangan biasiswa untuk anak-anak Polis oleh Republik Korea Selatan telah diadakan di Mes Pegawai Kanan, Bukit Aman. Persatuan Korea di Malaysia memberikan sumbangan berjumlah RM20,000 sebagai biasiswa untuk pelajar untuk anak-anak Polis Diraja Malaysia.

Hubungan diplomatik Malaysia dan Republik Korea Selatan yang terjalin selama 52 tahun juga menunjukkan keakraban ikatan hubungan Polis Diraja Malaysia bersama Republik Korea Selatan melalui rakan dialog ASEANAPOL, di mana Korea Selatan juga memainkan peranan aktif bagi memastikan keselamatan dan keamanan serantau sentiasa terjamin. Majlis dihadiri oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara, Deputy Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara, Mr. Yoon Ahd Kyu, Presiden Persatuan Korea di Malaysia, Encik Cho Se Yeon, Naib Presiden Persatuan Korea di Malaysia serta delegasi Republik Korea.



POLIS SIHAT MASYARAKAT SEJAHTERA

Oleh : L/Kpl. Aslam Syir Khan

Bukit Aman, 8 Jun 2012 - Sesi ceramah yang bertajuk **Obesiti** telah disampaikan oleh Dr. Nik Ritza Kosai Nik Majmood, Pakar Perunding Kanan Gastrointestinal dan Obesiti Operasi, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) di Dewan Theathrette, Menara 1, Bukit Aman.

Program Gaya Hidup Sihat itu telah dirasmikan oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara pada 26 Mac 2011. Program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada orang ramai, khususnya warga PDRM tentang kepentingan penjagaan kesihatan seperti tips-tips kesihatan, punca-punca obesiti, risiko dan jenis penyakit-penyakit yang disebabkan obesiti serta kaedah melalui pembedahan bagi mengelak penyakit darah tinggi dan kencing manis. Turut hadir, Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara dan Profesor Madya Dato' Dr. Mohd Ramzisham Abdul Rahman, Pengarah Pusat Jantung/Paru-paru dan Pakar Perunding Bedah Jantung/Paru-paru Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia.



KERJASAMA MANTAP PARA AHLI MAJUKAN KOPERASI — KPN

Oleh: S/Insp. Megat Nizar

Kuala Lumpur, 27 Jun 2012 – Sesungguhnya untuk memperolehi prestasi cemerlang dan memastikan keuntungan dicapai, koperasi amat memerlukan kekuatan dan kerjasama yang mantap dari semua ahli. Sumbangan berupa idea, caruman bulanan dan usaha tanpa mengira masa akan dapat menyokong setiap usaha yang telah dan akan dilaksanakan oleh koperasi.

“Setiap ahli koperasi mesti memainkan peranan yang aktif dalam memastikan pembangunan koperasi tercapai seperti yang dirancang”.

“Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah yang diberikan kepercayaan di seluruh negara, sebagai pintu gerbang utama KPD Berhad, hendaklah memainkan peranan penting dan berkhidmatlah dengan penuh dedikasi dan cekap”.

Demikian kata Inspektor Jeneral Tan Sri Dato’ Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara merangkap Yang Dipertua Koperasi Polis Diraja Malaysia (KPD) Berhad, ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Ke-77, KPD Berhad di Kuala Lumpur International Hotel (KLIH), Kuala Lumpur.

“Dengan adanya gandingan mantap antara Lembaga Pengarah, anggota dan kakitangan koperasi akan menjadikan koperasi lebih berprestasi untuk meningkatkan pencapaian aktiviti agar terus cemerlang. Kakitangan yang bijaksana, amanah, komited dan rela menumpukan lebih masa kepada koperasi amatlah dituntut”, ujar Tan Sri Dato’ Seri Haji Ismail di majlis tersebut yang turut dihadiri oleh Deputy Inspektor Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara dan Haji Musa Nasri, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Cawangan Wilayah Persekutuan.

Dalam pada itu, Tan Sri Dato’ Seri Haji Ismail, menyeru kepada perwakilan agar berusaha bukan sahaja untuk menambah

keahlian, malah memastikan anggota yang sedia ada kekal setia bersama koperasi.

“Dengan sokongan perwakilan dan ditambah pula usaha gigih Lembaga Pengarah dan seiring dengan kerja keras kakitangan koperasi, saya yakin koperasi akan lebih maju dan pulih sepenuhnya. Sebagai satu kumpulan, kita perlu sentiasa bersama dalam susah dan senang”, kata Tan Sri Dato’ Seri Haji Ismail sambil berjanji akan terus berusaha memajukan koperasi.

Pada majlis itu, Tan Sri Dato’ Seri Haji Ismail turut menyampaikan cek pampasan KPD Berhad berjumlah RM180,000 kepada Encik Rozilas, bapa Allahyarham Konst. 179036 Mohammad Ridwan yang terkorban akibat kemalangan jalan raya ketika menjalankan tugas.

Terdahulu Tan Sri Dato’ Seri Haji Ismail telah menerima sebuah van jenazah bernilai RM100,000, daripada Dato’ Amir bin Sulaiman, Pengerusi KOP Mantap Berhad untuk kegunaan anggota koperasi.





BERSIH 3.0 - KENANGAN PAHIT ANGGOTA POLIS

Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Kuala Lumpur, 28 April 2012 - Tanpa perikemanusiaan, bertindak ganas dan bodoh sombong. Beberapa orang anggota polis yang bertugas ketika menjaga aman di perhimpunan haram Bersih 3.0 pada 28 April 2012, lalu, ditendang, dipijak, ditumbuk dan dibaling dengan pelbagai objek keras sehingga mendatangkan kecederaan serius.

Tidak berdaya untuk melawan sebilangan peserta yang gagal mengawal perasaan, anggota polis tersebut hanya mampu berserah sebelum bertindak menyelamatkan diri daripada terus dibelasah.

Anggota Trafik, Koperal Abu Bakar Abd Rahman, 32 ketika ditemui menceritakan bagaimana dia diserang oleh peserta ketika hendak memberikan bantuan kepada anggota polis dari unit lain yang dilaporkan terperangkap dalam puluhan peserta di kawasan Kompleks Sogo.

"Sebelum kejadian saya telah mendapat maklumat dari pegawai yang memaklumkan ada anggota polis yang cedera akibat diserang. Sejurus selepas itu, saya telah pergi menuju ke Sogo. Saya pergi ke sana bukan sebab diarahkan berbuat demikian, tetapi kerana atas dasar kemanusiaan di samping bimbangkan keadaan anggota polis tersebut lalu saya nekad menuju ke lokasi kejadian," ujar Koperal Abu Bakar.

Menurut Koperal Abu Bakar lagi, dari jauh saya nampak sebuah kereta Proton Waja yang dinaiki seorang anggota polis diserang puluhan peserta yang sudah hilang kawalan. Ibarat seperti peluru dilepaskan, puluhan botol mineral dan objek keras dibaling secara bertubi-tubi ke arah kenderaan itu sehingga menyebabkan mangsa yang memandu hilang kawalan lalu terbabas dan merempuh tembok di luar Kompleks Sogo.

"Di saat itu, saya pun bergegas menuju ke kenderaan tersebut untuk menyelamatkan anggota polis berkenaan. Namun, sebaik sampai mangsa sudah tiada kerana telah dikeluarkan dan dihantar ke kenderaan ambulans".

Kata Koperal Abu Bakar lagi, "semasa hendak bergerak ke arah ambulans, entah dari mana munculnya, tiba-tiba satu tumbukan kuat mengenai kepalanya, saya pening seketika. Saya tidak sempat mengecam individu yang bertindak sedemikian kerana keadaan menjadi kelam kabut, di samping itu saya turut dibaling dengan botol dan objek keras ketika cuba menyelamatkan diri".

"Malah ketika menunggang motosikal, peserta sempat menendang dan menyepak namun, saya kuatkan semangat untuk

meneruskan perjalanan menuju ke IPD Dang Wangi", kata Koperal Abu Bakar lagi, yang mengalami kecederaan di bahagian mulut dan pipi ketika itu.

Sementara itu, L/Koperal Mohd. Fairuz Zulkifli, 26, menceritakan bagaimana insiden diserang peserta ke atasnya. Ketika dalam perjalanan menuju ke lokasi di mana anggota polis diserang, saya yang menunggang motosikal trafik berkuasa tinggi tiba-tiba bertembung dengan sebuah motosikal yang entah dari mana datangnya menyebabkan saya terjatuh. Di saat itulah, lebih sepuluh peserta mengepung dan bertindak menendang serta memijak tubuh saya di samping dibaling dengan botol mineral dan objek keras.

"Dalam keadaan tidak berdaya namun, saya kuatkan semangat untuk bangun semula. Bagaimanapun, saya bernasib baik kerana ketika itu terdapat orang awam yang bermurah hati menghulurkan bantuan menyelamatkan saya lalu membawa menuju ke arah sebuah bangunan berhampiran daripada terus dipukul oleh peserta Bersih 3.0 yang bertindak ganas dan tidak terkawal".

Konst. Mohd. Kamil Paimin, 24, cedera di kepala dan muka akibat dibelasah kumpulan perusuh di hadapan Kompleks Sogo. Ketika itu, kira-kira pukul 4.15 petang, sedang memandu kereta polis jenis Proton Waja menghala ke Jalan Masjid India dari Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Jalan Semarak.

Konst. Mohd Kamil, bertugas di Cawangan Pengangkutan di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Terengganu menerima arahan supaya mengambil anggota polis di kawasan kejadian.

"Sebaik sahaja lalu di kawasan itu, sekumpulan peserta perhimpunan meluru ke arah kenderaan yang saya pandu dan mengepung kereta Proton Waja yang berlogo Polis Diraja Malaysia (PDRM) di tepi pintunya. Tiba-tiba saya terasa kepala seperti terkena objek keras seperti batu. Saya kemudian tidak sedarkan diri dan tidak ingat apa yang berlaku selepas itu sehingga dipapah keluar daripada kereta," kata Konst. Mohd Kamil yang terpaksa menerima enam jahitan di kepala selain luka di muka akibat tindakan ganas perusuh.

Pada hari itu, bukan sahaja anggota polis menjadi sasaran, malah seorang jurukamera televisyen AlHijrah, Mohd. Azri Mohd. Salleh, 28, turut cedera parah di kepala, badan dan kaki akibat diserang kumpulan perusuh.

LAWATAN HOSPITAL HARI POLIS KE-205

Oleh : L/Kpl. Aslam Syir Khan



Putrajaya, 14 Mei 2012 - Program Lawatan Hospital Sempena Peringatan Hari Polis Ke-205 telah diadakan di Hospital Putrajaya. Selaras dengan salah satu matlamat utama tema Sambutan Hari Polis Ke-205 tahun 2012 'Komuniti Sejahtera Komitmen Kami' yang turut menekankan aspek kesihatan kepada seluruh warga Polis Diraja Malaysia dalam mengharungi kehidupan dan penugasan seharian.

Lawatan juga disertai oleh Persatuan Keluarga Polis atau PERKEP yang memberi tumpuan khas mengenai kesejahteraan keluarga warga Polis Diraja Malaysia, bukan sahaja dalam aspek kebajikan dan kesihatan, tetapi merangkumi program-program berkaitan perkembangan institusi kekeluargaan warga polis.

Lawatan yang diketuai oleh Puan Sri Datin Seri Hajah Suriati Haji Md. Sobri, Pengerusi PERKEP Malaysia turut menyaksikan penyampaian sumbangan kepada pesakit-pesakit yang terdiri daripada anggota dan keluarga Polis Diraja Malaysia.

Turut hadir Inspektor Jeneral Polis Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara, Deputy Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara dan Dr. Nora'i Mohd Said, Pengarah Hospital Putrajaya.



Oleh : Konst. Mohd Iqbal

Bukit Aman, 14 Jun 2012 – SAC Dato' Zaleha Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran) telah menghadiri majlis penyerahan cek sumbangan Takaful Ikhlas di Auditorium, Tingkat 16, Menara 2, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah kehilangan seorang pegawai kanan dan seorang anggota polis, Allahyarham Inspektor Khalid Samid yang meninggal dunia kerana jangkitan kuman paru-paru pada 16 Oktober 2010 dan Allahyarham Konstabel Abdul Shahreer Abu Hassan yang terlibat dengan nahas kemalangan jalan raya pada 28 Julai 2011.

Justeru itu, PDRM telah mengadakan Majlis Penyerahan Cek Sumbangan Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. kepada waris Allahyarham dan sumbangan ikhlas kepada Tabung Kebajikan PDRM. Itu merupakan satu kewajipan dan tanggungjawab, iaitu sebagai saluran kebajikan

Majlis Penyerahan CEK SUMBANGAN TAKAFUL IKHLAS

atau jambatan penghubung di antara agensi korporat dengan para pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia.

Agensi Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. telah menyerahkan cek berjumlah RM58,858.20 kepada waris Allahyarham Inspektor Khalid Samid, RM63,324.41 kepada waris Allahyarham Konstabel Abdul Shahreer Abu Hasan dan dibahagikan kepada isteri, ibu, dan bapa Allahyarham. PDRM juga menerima cek berjumlah RM5000.00 untuk disumbangkan kepada Tabung Kebajikan PDRM.

Turut hadir, Encik Muhamad Bahar Jaapar, Pengurus Agency Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Tuan Haji Jaafar Kechut, Wakil Presiden Persatuan Kebajikan Bekas Anggota Skwad 69 PDRM, dan Pegawai-Pegawai Kanan PDRM.





MAJLIS BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT SEMPENA PERTABALAN AGONG

Oleh : Konst. Mohd Iqbal

Kuala Lumpur, 12 April 2012 – Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almu'tasimu Billah Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah berkenan mencemar duli berangkat ke majlis bacaan Yasin dan Doa Selamat bersempena Hari Pertabalan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-14 di Masjid Negara, Kuala Lumpur.

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, Jemaah Menteri, dan Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara, turut hadir di majlis tersebut.





FORUM PERDANA HARI POLIS KE-205

Oleh : Konst. Mohd Iqbal

Kuala Lumpur, 25 April 2012 – Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara telah menghadiri Majlis Forum Perdana sempena Peringatan Hari Polis Ke-205 di Pusat Latihan Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur (PULAPOL KL).

Ahli panel terdiri daripada Al Fadhil Ustaz Badli Shah Alauddin, Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan Agama Islam Pahang, Prof. Madya Dr. Syarifah Hayati Syed Ismail, Ketua Jabatan Siasah Syar'iyah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Ustaz Wan Jaapar Wan Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Kanan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, dan seorang moderator iaitu Ustaz Rizal Ramli.

Forum Perdana ini diadakan untuk membincang dan memberi inspirasi kepada setiap anggota PDRM dalam menjalankan

tugas dengan baik seiring dengan tuntutan agama, bangsa, dan negara. Sehubungan itu, ia dapat mengurangkan persepsi negatif kepada PDRM. Forum Perdana sempena Peringatan Hari Polis Ke-205 itu membawa tajuk "Sahsiah Terpuji PDRM Disegani".

Deputi Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara, dan CP Dato' Mohamad Fuzi Harun, Pengarah Pasukan Petugas Khas (Operasi/Counter Terrorism) turut hadir ketika majlis tersebut.



KURSUS MANTAPKAN ILMU IMAM BRIGED SABAH

Oleh: SM Rosman Mohd. Ali

Kinarut, 18 Mei 2012 – Penutupan Kursus Pemantapan Ilmu Imam disempurnakan oleh Puan Ezzrina Abdul Rahman, Pegawai Psikologi S41 BAKA Briged Sabah Pasukan Gerakan Am (PGA).

Terdahulu seramai 30 pegawai dan anggota Briged Sabah PGA telah terlibat dengan kursus tersebut selama 3 hari dengan mendapat tenaga pengajar dari JAKIM Negeri Sabah.

Menurut Insp. Mohd. Zaiful Bahari, kursus tersebut amat bermakna kepada para peserta memandangkan modul yang diajar dapat memantapkan ilmu para Imam yang bertugas.

Peserta kursus telah didedahkan dengan azan yang bukan sahaja sedap didengar tetapi betul, cara-cara mendirikan solat Jama', bacaan doa, wirid dan sebagainya.

Menurut Puan Ezzrina, kursus tersebut akan diadakan secara bersiri di masa-masa yang akan datang bagi membolehkan lebih ramai warga dari Briged Sabah mendalami ilmu.

Kursus yang diadakan di Masjid PGA itu tidak sahaja dihadiri oleh jemaah dari warga PGA sahaja malahan MRSM dan sekolah agama yang kebetulan bersebelahan dengan masjid tersebut.





MAJLIS RAMAH MESRA BAKAT BERSAMA PERKEP

Oleh : Konst. Mohd Iqbal

Kuala Lumpur, 15 Mei 2012 - Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) Dan Persatuan Keluarga Polis Diraja Malaysia (PERKEP) telah mengadakan majlis ramah mesra di Dewan Seroja Kem Kementah, Kuala Lumpur.

"Saya berasa amat bangga kerana dapat menggabungkan keluarga kedua-dua pasukan penjaga keamanan negara seumpama itu adalah jarang sekali diadakan dan juga diharapkan akan merapatkan lagi hubungan silaturahmi yang telah sekian lama terjalin di antara kedua-dua persatuan serta secara tidak langsung mampu memberikan impak yang positif demi kesejahteraan kedua-dua persatuan yang memiliki misi, visi dan objektif yang hampir sama" ujar Puan Sri Datin Seri Hajah Suriati Md. Sobri, Pengerusi PERKEP ketika ucapan balas kepada Puan Sri Datin Sri Umi Kalsom Wan Awang, Pengerusi BAKAT.

Majlis seperti itu juga dapat memberi peluang kepada ahli-ahli BAKAT dan PERKEP untuk berinteraksi di antara satu sama lain, sambil bertukar-tukar pendapat dan mencetus idea-idea bernas demi memajukan lagi persatuan masing-masing di masa akan datang.

Hadir menyerikan majlis tersebut adalah Puan Sri Datin Sri Imran Ibrahim, Naib Pengerusi PERKEP, Pengerusi-pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Darat, Laut dan Udara, Pengerusi-pengerusi PERKEP Jabatan-Jabatan PDRM, Barisan Ahli Jawatankuasa BAKAT dan PERKEP dan tetamu-tetamu jemputan.





SEMINAR IBU UNGGUL KELUARGA BAHAGIA



Oleh : Konst. Mohd Iqbal

Cheras, 17 Mei 2012 – Persatuan Keluarga Polis Diraja Malaysia (PERKEP) telah menganjurkan Seminar Ibu Unggul Keluarga Bahagia Sempena Hari Ibu di Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur (MPDRMKL). Seminar tersebut telah dirasmikan oleh Puan Sri Datin Sri Imran Ibrahim, Naib Pengerusi Persatuan Keluarga Polis Diraja Malaysia (PERKEP).

Seminar tersebut adalah bertujuan untuk membincangkan tentang peranan kaum ibu dalam membentuk sebuah keluarga bahagia mengikut ajaran Islam. Pemakanan halal juga penting dalam pembentukan sahsiah kekeluargaan dan sedikit sebanyak menjadikan sebuah keluarga bahagia. “Halalan Toyyiban” menjadi tajuk utama bagi Ustaz Mohd Asri Mohd Azmi penceramah dari Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur (MPDRMKL), Cheras.





PUSAT SARINGAN KESIHATAN BUKIT AMAN

Kelolaan : S/Insp. Megat Nizar

Penubuhan Pusat Saringan Kesihatan Bukit Aman adalah cetusan idea daripada Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.

Objektif penubuhan adalah untuk:-

1. Memastikan setiap anggota pasukan membuat pemeriksaan kesihatan mereka di tempat bertugas.
2. Mengenalpasti diperingkat awal apakah jenis penyakit kronik yang mungkin dihadapi agar dapat dibawa berjumpa doktor pakar bagi mengatasinya.
3. Mengatasi masalah kesihatan dengan mengamalkan aspek pemakanan yang seimbang dan melakukan senaman.
4. Mewujudkan tahap kesihatan warga PDRM sentiasa berada dalam keadaan sihat dan bertenaga.

Cetusan idea penubuhan Pusat Saringan Kesihatan Bukit Aman ini bermula pada 26 Mac 2011 dengan pelancaran Gaya Hidup Sihat PDRM. Tujuan diadakan pelancaran Gaya Hidup Sihat ini adalah untuk mencapai wawasan 'Polis Sihat, Masyarakat Selamat'.

Konsep perlaksanaan adalah seperti berikut:-

1. Memberi kesedaran kepada warga PDRM agar menjadikan kehidupan Gaya Hidup Sihat ini sebagai amalan.
2. Dengan membudayakan Gaya Hidup Sihat dalam kehidupan, ianya dapat mencegah warga PDRM daripada menghadapi penyakit kronik.



3. Memperkasakan (*empower*) warga PDRM agar membudayakan amalan penjagaan kesihatan dengan baik.

Pusat Saringan Kesihatan Bukit Aman ini menyediakan kemudahan saringan kesihatan yang dikendalikan oleh pegawai/anggota yang berkelayakan. Pegawai Perubatan dari Hospital/Klinik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan datang beberapa kali dalam setiap minggu bagi mengendalikan saringan di Pusat Saringan ini.

Saringan kesihatan yang terdapat di Pusat Saringan Kesihatan ini adalah:-

1. Pengukuran Tekanan Darah;
2. Pengukuran Gula Dalam Darah;
3. Pengukuran Tahap Ketagihan Nikotin;
4. Pengukuran Stres;
5. Pengukuran *Body Fat / Muscles Distribution* dan *Medical Biological Age*.

PENUBUHAN PUSAT SARINGAN KESIHATAN BUKIT AMAN

Pengwujudan Pusat Saringan Kesihatan Bukit Aman ini adalah sebagai permulaan. Selepas ini Pusat Saringan yang sama akan diwujudkan di setiap Kontinjen PDRM. Oleh yang demikian, pencegahan awal masalah kesihatan membolehkan setiap pegawai, anggota dan pegawai awam Polis Diraja Malaysia dapat melaksanakan penugasan dengan efektif dan proaktif. Pusat tersebut dibawah kawalan dan seliaan Cawangan Kebajikan Pasukan.

Adalah menjadi hasrat pucuk pimpinan agar di masa hadapan Polis Diraja Malaysia mempunyai hospital sendiri yang membolehkan setiap pegawai, anggota dan pegawai awam dapat menerima rawatan kesihatan dengan mudah dan selesa.

Pusat Saringan Kesihatan Bukit Aman itu dirasmikan oleh Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 12 April 2012.



TSMCG SUMBANG RM30,000 KEPADA PERKEP MALAYSIA

Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Kuala Lumpur, 1 Mei 2012 – Tan Sri Muhyiddin Charity Golf (TSMCG) Foundation, telah menghulurkan sumbangan berjumlah RM30,000 kepada Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia.

Sumbangan itu disampaikan oleh Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia kepada Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara, sempena Golf Persahabatan antara Team TSMCG Foundation dengan Team PDRM, yang berlangsung di Kelab Golf Titiwangsa PDRM, Kuala Lumpur.

Di antara yang menyertai pertandingan itu terdiri daripada Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd Yassin, Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Haji Omar, Dato Mustapa Buang, Dato' Rashid Asari, Dato Haji Ghazali Haji Md. Amin, Dato Haris Ismail, Dato Wira Salleh Mat Rasid, Dato Mohamad Fuzi Harun, Dato Mohamad Salleh, Dato Haji Ramli Haji Din, Dato Razali Jaafar, Dato Rosli Ab. Rahman, Haji Hamid Noor, Haji Jamil Harun dan Haji Mokhtar Ismail.

"Saya mewakili PERKEP Malaysia mengucapkan terima kasih kepada TSMCG Foundation terutamanya kepada Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd

Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, kerana sudi menghulurkan sumbangan dengan menyokong usaha PERKEP, sekaligus menunjukkan penghargaan dan keprihatinan kepada warga, keluarga dan anak-anak Polis Diraja Malaysia", ujar Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail.

Pada pertandingan itu menyaksikan Dato Mustapa Buang menduduki tempat pertama, Dato' Rashid Asari tempat kedua dan tempat ketiga dimenangi oleh Dato Haji Ghazali Haji Md. Amin.

